

17 NOV 1999

Sanusi-Tanding

ADAKAH SANUSI JUNID AKAN BERTANDING?

ALOR SETAR, 17 Nov (Bernama) -- Adakah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang?

"Ya, saya akan mempertahankan kerusi negeri Kuah saya," katanya hari ini.

Ditanya sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mempersetujui pencalonannya, beliau berkata, "Saya tidak boleh setuju sendiri".

Sanusi memberikan jawapan serupa semasa dikemukakan soalan itu sebelum dan selepas menemui Dr Mahathir.

Beliau berjumpa Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam untuk membincangkan calon Barisan Nasional di Kedah.

Sanusi ditanya soalan yang sama pada 10 Nov, sehari sebelum pembubaran Parlimen dan semua Dewan Undangan Negeri (kecuali di Sabah dan Sarawak) dan sekali lagi pada 12 Nov selepas berjumpa dengan wakil rakyat dari Kedah, sehari selepas pembubaran itu. Hari ini, beliau sekali lagi dikemukakan soalan itu, sehari selepas berjumpa Dr Mahathir.

Terdapat ura-ura beliau akan digugur atau ditukarkan ke kerusi Parlimen pada pilihan raya umum ini.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dikatakan akan bertanding di kawasan negeri Tunjang dan akan menjadi Menteri Besar yang baru menggantikan Sanusi.

"Saya menerima 40 panggilan dari Johor hari ini bertanyakan soalan yang sama mengenai pencalonan Sanusi. Mereka fikir saya adalah Perdana Menteri dan boleh memberikan jawapan yang mereka mahu," kata Aziz Desa, Pengurus Media dan Komunikasi Menteri Besar.

Sanusi berkata bahawa jentera BN Kedah tidak terganggu dengan spekulasi itu.

Mengenai beberapa akhbar yang mengulas bahawa Kedah akan berkembang dengan lebih baik sekiranya beliau tidak terbabit dalam pilihan raya negeri kerana beliau tidak diterima dengan baik oleh rakyat, Sanusi berkata: "Kamu tidak boleh kata mengenai populariti saya. Jangan membuat rumusan dengan hanya bercakap dengan beberapa orang."

Sanusi berkata senarai calon-calon BN Kedah akan diumumkan Jumaat ini, sehari sebelum hari penamaan calon.

-- BERNAMA

JM RHM MAI